

PERINTAH PERLINDUNGAN DIRI

di bawah
Piagam Wanita

PERKARA-PERKARA YANG PENTING



Kandungan

- 01 Pengenalan
- 02 Perintah-Perintah yang Anda Boleh Memohon untuk Keganasan Keluarga
- 04 Gambaran Menyeluruh Proses Mahkamah
- 06 Jika Anda Memohon untuk PPO (Bagi Pemohon)
- 11 Jika Anda Menerima Surat Saman PPO (Bagi Responden)
- 15 Kaunseling Mandatori
- 16 Maklumat-Maklumat Berguna

Penafian

- Carta aliran dalam risalah ini menunjukkan proses yang lazim dijalankan. Bagi setiap kes, bergantung pada fakta dan keadaan, Hakim akan menggunakan budi bicara untuk mengarahkan tindakan terbaik yang boleh diambil.
- Penerbitan ini adalah maklumat sahaja. Ia hanya untuk Perintah Perlindungan Diri di bawah Piagam Wanita dan ia tidak termasuk perintah di bawah Akta Orang Dewasa Yang Rentan atau Akta Perlindungan dari Gangguan.
- Sila dapatkan nasihat guaman jika anda merasa ragu.



Pengenalan

Jika anda ingin mendapatkan Perintah Perlindungan Diri di bawah Piagam wanita (PPO), risalah ini akan menjelaskan bagaimana anda sebagai **Pemohon** boleh mendapatkannya untuk diri anda dan/atau mana-mana ahli keluarga anda yang di bawah umur 21 tahun.

Jika anda mendapat Surat Saman bagi PPO, risalah ini akan membantu anda sebagai **Responden** tentang bagaimana untuk menjawab Surat Saman ini.

Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC) dan agensi-agensi sekutunya memberi bantuan dan sokongan bagi menangani keganasan keluarga.

Perintah-Perintah yang Anda Boleh Memohon untuk Keganasan Keluarga

Apakah itu "Keganasan Keluarga"?

"Keganasan Keluarga" ialah mana-mana satu daripada tindakan berikut yang dilakukan terhadap ahli keluarga anda:

	<p>Menakut-nakutkan atau cuba untuk membuat mereka rasa takut dicerderakan;</p>
	<p>Menyebabkan kecederaan;</p>
	<p>Mengurung atau menyekat mereka secara salah di sisi undang-undang tanpa kerelaan mereka; atau</p>
	<p>Mengganggu mereka secara berterusan dengan niat untuk menyebabkan mereka sengsara secara mental.</p>

Siapa-siapa yang dianggap sebagai "ahli keluarga"?

- Suami/isteri atau bekas suami/isteri;
- Anak, termasuk anak angkat atau anak tiri;
- Ibu bapa;
- Ibu-bapa Mertua;
- Adik-beradik; atau
- Mana-mana saudara-mara atau orang lain yang tiada upaya dan boleh dianggap sebagai ahli keluarga anda oleh Mahkamah.



Jenis-Jenis Perintah

Perintah Perlindungan Diri (PPO)

- Responden diperintahkan agar tidak melakukan keganasan keluarga terhadap Pemohon atau ahli keluarga Pemohon.
- Ia diberikan jika Mahkamah berpuas hati bahawa Responden telah melakukan atau boleh melakukan keganasan keluarga terhadap ahli keluarga Pemohon dan kerana itu mereka perlu diberi perlindungan atau keselamatan.

Perintah Sementara (EO)

- Ia adalah PPO sementara untuk melindungi Pemohon hingga ke hari perbicaraan.
- Dikeluarkan tanpa kehadiran Responden jika Hakim merasakan keganasan keluarga boleh berlaku pada bila-bila masa.

Perintah Dihalang Masuk (DEO)

- Ia menghalang masuk atau membataskan Responden dari memasuki kediaman Pemohon atau ahli keluarganya yang ada PPO secara keseluruhan atau sebahagian daripada kediaman ini.

Perintah Kaunseling (CGO)

- Pemohon tidak perlu memohon bagi mendapatkan perintah ini. Mahkamah akan menggunakan budi bicara sama ada Pemohon atau Responden atau ahli keluarga Pemohon yang ada PPO, ataupun kesemua pihak perlu menghadiri kaunseling atau apa-apa program yang dikendalikan oleh agensi yang bersekutu.
- Pihak-pihak berkenaan perlu menghadiri Semakan Mahkamah agar kemajuan kaunseling mereka dapat dikaji semula.

Pelanggaran PPO, EO dan DEO

Melanggar Perintah Mahkamah adalah suatu kesalahan jenayah dan Responden boleh dihukum denda dan/atau penjara.

Jika Responden melanggar Perintah yang diberikan:

- Pemohon boleh menghubungi Polis dan melaporkan pelanggaran tersebut.
- Polis akan menyiasat dan menentukan sama ada untuk mendakwa Responden di Mahkamah.

Perhatian:

- Antara syarat lain PPO - Responden tidak boleh menghasut atau membantu sesiapa sahaja yang lain untuk melakukan keganasan keluarga terhadap orang yang telah diberikan PPO.
- Memohon untuk EO dan/atau DEO boleh dibuat semasa permohonan PPO dibuat.
- Melanggar perintah PPO, EO dan DEO adalah suatu kesalahan jenayah.
- Melanggar perintah CGO sama seperti menghina mahkamah.

Gambaran Menyeluruh Proses Mahkamah

Pentingnya untuk Hadir di Mahkamah

- Jika Pemohon tidak hadir pada sesi Mahkamah seperti diarahkan, kes ini akan digugurkan.
- Jika Responden tidak hadir di Mahkamah seperti diarahkan, Hakim boleh mengenakan Waran Tangkap terhadap Responden ataupun mengarahkan kes ini diteruskan tanpa Responden.

PERMOHONAN

P

Pemohon memfailkan permohonan PPO di Pusat Perlindungan Keluarga (FPC) di FJC (Havelock Square), ataupun di Pusat Pakar Keganasan Keluarga (FVSC).
Kemudian, Pemohon akan dibawa berjumpa Hakim untuk Hakim mengeluarkan Surat Saman PPO (berserta atau tanpa EO).



SURAT SAMAN

P

R

Kes ini akan ditetapkan untuk sesi Sebutan bagi Pemohon dan Responden untuk hadir.
Surat Saman akan diserahkan kepada Responden (berserta atau tanpa EO).



SEBUTAN DI MAHKAMAH

P

R

Responden Setuju



PPO akan diberikan kepada Pemohon. Hakim mungkin mengenakan perintah ke atas Responden ataupun ke atas Pemohon dan Responden untuk menghadiri program kaunseling.
Selepas itu, kedu-dua pihak harus kembali ke Mahkamah 6 bulan kemudian untuk kes ini dikaji semula.



P

R

Responden Tidak Setuju



PPO tidak diberikan. Hakim akan mengarahkan Pemohon dan Responden untuk menyiapkan dokumen yang perlu dan kes akan ditangguh.
Kes ini akan ditetapkan untuk perbicaraan jika semua dokumen telah siap.



PERBICARAAN DI MAHKAMAH

P

R

Pemohon dan Responden akan mengemukakan bukti dan keterangan masing-masing kepada Hakim yang akan mengeluarkan PPO atau menolak permohonan ini.



P

Untuk Pemohon

R

Untuk Responden

Jika Anda Memohon untuk PPO (bagi Pemohon)

Dapatkan bantuan jika keganasan keluarga telah berlaku pada diri anda

- Jika anda dipukul atau dcederakan, segera dapatkan rawatan.
- Jika perlu, buat laporan polis.
- Jika perlu, hubungi Pusat Khidmat Keluarga atau FVSC untuk bantuan selanjutnya.
- Fikir dahulu jika anda ingin mendapatkan PPO ataupun tidak.



TAHAP 1:

Peringkat Permohonan

DI MANA UNTUK MEMOHON

Atas Talian

Melalui *Integrated Family Application Management System* (iFAMS)

(<https://ifams.gov.sg>):

- Sila ke laman web FPC atau FVSC* untuk membuat permohonan.

Ataupun pergi sendiri

- Ke FPC; atau
- Mana-mana FVSCs* berikut yang terdekat.

*Senarai FVSCs yang terkini terdapat di <https://www.msf.gov.sg>

CARA MEMOHON

- Anda perlukan kad pengenalan dan passport anda untuk pengenalan.
- Apa yang anda perlu isi dalam borang Permohonan ialah:
 - Kejadian keganasan keluarga yang terbaharu termasuk tarikh, tempat, butiran ringkas, jenis keganasan dan kecederaan yang anda alami.
 - Sebutkan apa hubungan anda dengan Responden.
 - Senaraikan ahli keluarga anda yang terlibat dalam kejadian ini.
 - Sebutkan apa yang anda mahu dari Mahkamah (iaini PPO sahaja ataupun PPO dengan DEO).
 - Masukkan juga laporan polis atau laporan perubatan (jika ada).



MENGHADIRKAN DIRI DI HADAPAN HAKIM

- Anda akan dibawa berjumpa Hakim untuk menyatakan apa yang anda tulis dalam permohonan anda adalah benar. Ini boleh dilakukan melalui persidangan video di FVSC.
- Hakim mungkin akan:
 - Menyoal atau meminta anda menjelaskan maklumat dalam permohonan anda itu.
 - Menerima atau menolak permohonan anda**.
 - Memberi anda EO, jika Hakim mendapati keganasan keluarga boleh berlaku pada bila-bila masa.

** Sekiranya anda tukar fikiran, anda boleh menarik balik permohonan ini bila anda hadir lagi di mahkamah.



Perhatian:

- EO diberikan atas budi bicara Hakim.
- EO akan diserahkan kepada Responden paling cepat, pada hari bekerja esoknya, sebaik sahaja anda membuat permohonan.
- EO akan luput dalam masa 28 hari selepas ia dikeluarkan, tetapi Mahkamah boleh melanjutkan tempohnya.



Jika Anda Memohon untuk PPO (bagi Pemohon) (bersambung)

Bantuan Tambahan

Fikirkan jika anda perlukan bantuan tambahan untuk kes anda. Maklumat lanjut terdapat di muka surat 16 dalam risalah ini.

TAHAP 2:

Peringkat Saman



SURAT SAMAN DIKELUARKAN

Jika permohonan anda diluluskan, Hakim akan mengeluarkan Surat Saman berserta atau tanpa EO:

- Anda akan diberi tarikh dan waktu untuk menghadiri sesi di mahkamah yang dipanggil "Sebutan". Anda dan Responden perlu hadir. Pada hari itu, Responden mesti menyatakan sama ada Responden setuju dengan permohonan anda.
- Seorang Pakar Keluarga Mahkamah (iaini kaunselor) akan merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan, jika perlu.

PENYERAHAN SURAT SAMAN

Mahkamah akan menyerahkan Surat Saman kepada Responden:

- Surat Saman adalah dokumen Mahkamah yang mengarahkan Responden untuk hadir di Mahkamah.
- Surat Saman ini akan diserahkan ke alamat yang anda beri.
- Jika EO diberikan, ia akan diserahkan bersama Surat Saman tadi.

TAHAP 3:

Peringkat Sebutan di Mahkamah



Datang awal pada tarikh yang tertera dalam Slip Sebutan di Mahkamah Keluarga 1.

Jika anda tidak dapat hadir:



- Pergi ke **laman web iFAMS** di <https://ifams.gov.sg> untuk membuat permohonan rasmi bagi menukar sesi sebutan ke tarikh lain bersama dokumen sokongan anda.

Jika diperkenankan, Mahkamah akan menetapkan tarikh baharu untuk kes anda disebut. Jika tidak, anda dikehendaki hadir pada tarikh Sebutan yang telah ditetapkan.

- Jika anda tidak hadir pada sesi ini, kes anda boleh digugurkan.
- Jika anda masih mahu teruskan permohonan ini, anda perlu memohon agar kes anda dihidupkan semula. Mahkamah akan mempertimbangkan jika anda ada sebab-sebab yang sah kerana tidak hadir sebelum kes anda dihidupkan semula.

Jika Responden tidak hadir pada sesi ini, Hakim akan mengenakan Waran Tangkap terhadap Responden atau meneruskan kes ini tanpa Responden.

Jika anda tidak lagi ingin meneruskan kes anda di peringkat ini, anda boleh memohon untuk menarik balik kes anda.

Jika anda dan Responden hadir, anda berdua akan dirujuk kepada seorang Pakar Keluarga Mahkamah.

TAHAP 3A: Jika Responden setuju

Mahkamah akan mengeluarkan perintah PPO jika ia berpuas hati dan merasakan Pemohon perlu diberi perlindungan dan keselamatan.

Perintah tambahan iaini kaunseling mandatori ke atas anda atau anda berdua boleh dikeluarkan. Maklumat lanjut mengenai "Kaunseling Mandatori" terdapat dalam muka surat 15 risalah ini.

TAHAP 3B: Jika Responden tidak setuju

Perkara ini akan diteruskan untuk perbicaraan. Sebelum diberi tarikh perbicaraan, dan pada tarikh Sebutan yang pertama, anda dan Responden akan diarah untuk membawa semua dokumen yang relevan pada hari Sebutan Mahkamah seterusnya, iaini kira-kira 3 minggu kemudian.

Ini lazimnya termasuk:

- Laporan Polis mengenai kejadian, jika ada.
- Laporan perubatan tentang kecederaan yang anda alami, jika ada.
- Bukti-bukti lain, jika ada, sebagai contoh, gambar tentang kecederaan anda, rakaman

audio atau video (diterjemahkan ke bahasa Inggeris), dan teks perbualan antara anda dengan Responden.

Pastikan:

- Semua dokumen disusun secara teratur, tulis nombor muka surat pada setiap muka surat.
- Semua dokumen/keterangan dalam bahasa Inggeris. Dokumen yang bukan dalam bahasa Inggeris perlu diterjemahkan oleh seorang penterjemah rasmi.
- Tiga set dokumen yang lengkap dan serupa perlu anda siapkan untuk:
 - 1) Mahkamah,
 - 2) Diri anda dan
 - 3) Responden.



Jika Anda Memohon untuk PPO (bagi Pemohon) (bersambung)

TAHAP 4:

Peringkat Perbicaraan di Mahkamah



Datang tepat pada waktunya pada hari perbicaraan. Jika Responden tidak hadir, perbicaraan masih boleh diteruskan dan Perintah akan dikeluarkan.

Selain itu, Waran Tangkap boleh dikeluarkan dan perbicaraan akan ditangguh ke tarikh lain sementara menunggu Responden ditangkap.

Jika kedua pihak hadir, Hakim akan meneruskan perbicaraan. Proses Mahkamah adalah seperti berikut:

- Pemohon akan membentangkan kes dan keterangannya dahulu. Ini dipanggil *pemeriksaan utama*.
- Responden, iaini anda, diberi peluang untuk menyoal Pemohon tentang kes dan keterangan Pemohon. Ini dipanggil *pemeriksaan balas*.
- Jika salah satu antara anda berdua diwakili, peguam masing-masing akan menjalankan *pemeriksaan utama* dan *pemeriksaan balas*.
- Kemudian, peguam anda, jika ada, akan mengajukan soalan-soalan kepada Pemohon semasa dijalankan *pemeriksaan semula*.

- Kemudian, Responden akan membentangkan kes dan keterangannya.
- Pemohon diberi peluang untuk menyoal Responden tentang kes dan keterangannya.
- Jika Responden diwakili, peguam Responden akan mengajukan soalan-soalan tambahan kepada Responden semasa *pemeriksaan semula*.
- Setiap pihak akan menggulung kes masing-masing kepada Hakim secara ringkas. Kemudian, Hakim akan menimbang kes ini dan membuat keputusan.

PPO boleh diberikan jika Hakim berpuas hati bahawa:

- Keganasan keluarga telah berlaku, atau boleh berlaku; dan adalah perlu untuk perintah dikeluarkan agar Pemohon diberi perlindungan.
- Hakim boleh mengenakan Perintah Kaunseling ke atas kedua pihak ataupun salah satu pihak.
- Kes ini boleh ditolak jika sebab-sebab di atas tidak dapat dibuktikan.

Maklumat lanjut tentang "Kaunseling Mandatori" terdapat di muka surat 15.

Sila rujuk muka surat 3 jika Responden melanggar Perintah ini.



Jika Anda Terima Surat Saman PPO (bagi Responden)

Apa itu Surat Saman?

Surat Saman



Surat Saman ialah Perintah Mahkamah untuk anda hadir di Mahkamah.

Dalam Surat Saman terdapat tarikh dan waktu untuk anda dan Pemohon hadir di Mahkamah. Tarikh ini disebut sebagai tarikh Sebutan.

Surat Saman akan diserahkan:

- Ke tangan anda oleh Penghantar Surat Saman Mahkamah, atau
- Jika anda tiada, seorang dewasa yang tinggal bersama anda boleh terima Surat Saman ini. Ataupun, Surat Saman ini akan ditampal pada bahagian yang ketara di kediaman anda.

Surat Saman akan diserahkan bersama EO jika EO dikeluarkan oleh Hakim. Maklumat lanjut tentang EO ada di muka surat 3.

EO adalah PPO sementara. Jika perintah EO dilanggar, Pemohon boleh ke balai polis untuk membuat laporan.

Peringkat Selepas Mendapat Surat Saman PPO (bagi Responden) (bersambung)

Bantuan Tambahan

Pertimbangkan jika anda perlukan bantuan tambahan mengenai kes anda. Maklumat lanjut terdapat di muka surat 16 dalam risalah ini.

TAHAP 1:

Peringkat Saman



Anda perlu baca Surat Saman anda untuk tarikh dan waktu anda perlu hadir sesi mahkamah yang dipanggil "Sebutan".

Jika anda tidak dapat hadir di mahkamah pada tarikh yang ditetapkan:

- Sila ke **laman web iFAMS** untuk membuat permohonan rasmi bagi menukar ke tarikh lain dan lampirkan dokumen sokongan anda.



Jika ia diterima, Mahkamah akan menetapkan tarikh sebutan yang baharu. Jika tidak diterima, anda perlu hadir pada tarikh sebutan yang telah ditetapkan.

- Jika anda tidak hadir pada sesi ini, Hakim boleh:
 - Mengeluarkan waran tangkap terhadap anda; atau
 - Mengarahkan agar kes ini diteruskan tanpa anda.

TAHAP 2:

Peringkat Sebutan Mahkamah



Datang awal pada tarikh yang tertera di Slip Sebutan di Mahkamah Keluarga 1.

- Jika Pemohon tidak hadir pada sesi ini, kesnya akan digugurkan.
- Jika Pemohon tidak lagi ingin meneruskan kesnya di peringkat ini, Pemohon boleh menarik balik permohonannya.
- Jika anda mengaku kesemua atau sebahagian daripada tuduhan terhadap anda dan bersetuju untuk PPO diberikan, Hakim akan mengeluarkan perintah PPO jika Hakim berpuas hati dan merasakan Pemohon perlu diberi perlindungan dan keselamatan.
- Hakim mungkin membuat perintah tambahan iaini Kaunseling Mandatori untuk Responden ataupun untuk anda berdua.
Maklumat lanjut tentang "Kaunseling Mandatori" terdapat di muka surat 20 risalah ini.
- Jika Pemohon mahu teruskan perkara

ini dan anda pula tidak setuju dengan permohonan ini, anda berdua akan dirujuk kepada Pakar Keluarga Mahkamah.

Jika pada sebutan pertama ini tiada penyelesaian, perkara ini akan diteruskan untuk perbicaraan.

Sebelum tarikh perbicaraan diberikan, anda dan Pemohon perlu menyiapkan semua dokumen yang relevan untuk dibawa pada hari Sebutan seterusnya, iaini kira-kira 3 minggu selepas tarikh Sebutan yang pertama.

Lazimnya, dokumen berikut perlu disiapkan:

- Laporan Polis tentang kejadian yang berlaku, jika ada.
- Laporan perubatan tentang kecederaan anda, jika ada.
- Bukti-bukti lain, jika ada - contohnya, gambar kecederaan Pemohon, rakaman audio atau video (diterjemah ke bahasa Inggeris), dan teks perbualan antara anda dengan Pemohon.

Anda juga perlu menyiapkan semua dokumen anda untuk perbicaraan bagi membela diri anda di Mahkamah.

Pastikan:

- Semua dokumen disusun secara teratur, tulis nombor muka surat pada setiap muka surat.

- Semua dokumen/ keterangan mesti dalam bahasa Inggeris. Jika bukan dalam bahasa Inggeris, lampirkan terjemahannya oleh penterjemah rasmi.
- Siapkan tiga set dokumen yang lengkap dan serupa untuk:
 - 1) Mahkamah,
 - 2) diri anda dan
 - 3) Pemohon.



Peringkat Selepas Mendapat Surat Saman PPO (bagi Responden) (bersambung)

TAHAP 3:

Peringkat Perbicaraan di Mahkamah



Datang awal pada hari perbicaraan di mahkamah. Jika anda tidak hadir, perbicaraan masih boleh diteruskan tanpa anda dan PPO boleh diberikan.

Selain itu, Waran Tangkap boleh dikeluarkan terhadap anda dan perbicaraan akan ditangguh ke tarikh lain sementara menunggu anda ditangkap.

Jika kededua pihak hadir, Hakim akan meneruskan perbicaraan. Proses Mahkamah adalah seperti berikut:

- Pemohon akan membentangkan kes dan keterangannya dahulu. Ini dipanggil *pemeriksaan utama*.
- Responden, iaini anda, diberi peluang untuk menyoal Pemohon tentang kes dan keterangan Pemohon. Ini dipanggil *pemeriksaan balas*.
- Jika anda berdua diwakili, peguam masing-masing akan menjalankan *pemeriksaan utama* dan *pemeriksaan balas*.
- Kemudian, peguam Pemohon, jika ada, akan mengajukan soalan-soalan kepada Pemohon semasa dijalankan *pemeriksaan semula*.

- Responden, iaini anda, akan membentangkan kes dan keterangan anda.
- Pemohon diberi peluang untuk menyoal anda tentang kes dan keterangan anda.
- Jika anda diwakili, peguam anda akan mengajukan soalan-soalan tambahan kepada anda semasa *pemeriksaan semula*.

- Setiap pihak akan menggulung kes masing-masing secara ringkas untuk. Hakim menimbang kes ini dan membuat keputusan.

PPO boleh diberikan jika Hakim berpuas hati bahawa:

- Keganasan keluarga telah berlaku, atau boleh berlaku; dan adalah perlu untuk perintah dikeluarkan agar Pemohon diberi perlindungan.

- Hakim boleh mengenakan CGO atau kaunseling kededua pihak ataupun salah satu pihak.


Maklumat lanjut tentang "Kaunseling Mandatori" terdapat di muka surat 15 dalam risalah ini.

- Kes ini boleh ditolak jika sebab-sebab di atas tidak dapat dibuktikan.

Melanggar PPO, EO dan DEO adalah suatu kesalahan jenayah dan Responden boleh dihukum denda dan/atau penjara. Sila rujuk muka surat 3 untuk keterangan lanjut.


Kaunseling Mandatori (CGO)



- Perintah CGO boleh dikenakan jika ada PPO dan anak-anak anda juga boleh dikenakan CGO.
- Apabila CGO dikenakan, ia akan menyebut tentang sesi yang dijalankan serta agensi yang ditugaskan oleh MSF.
- Selain CGO, jika Mahkamah mendapat tahu bahawa salah satu pihak ada masalah ketagihan, Hakim akan mengeluarkan perintah untuk pihak tersebut menghadiri sesi kaunseling di *National Addictions Management Services (NAMS)*. Keterangan lanjut ada di **laman web NAMS**. 
- Menghadiri sesi kaunseling adalah wajib.
- Gagal menghadirkan diri dianggap sebagai melanggar Perintah dan menghina mahkamah dan boleh dihukum di sisi undang-undang.
- Jika ada perintah CGO, Hakim akan menetapkan tarikh Semakan Mahkamah kira-kira enam bulan selepas ini.
 - Hakim akan mengkaji semula kemajuan pihak-pihak berkenaan berdasarkan laporan dari agensi kaunseling.


- Hakim akan memutuskan sama ada pihak-pihak tadi perlu meneruskan kaunseling mereka ataupun tidak.

- Pihak yang terlibat mesti hadirkan diri pada hari Semakan Mahkamah untuk mendapatkan arahan lanjut dari Hakim.

- Jika mereka tidak dapat hadir, mereka boleh memohon secara rasmi untuk tarikh yang baharu berserta dokumen sokongan dengan melawat ke **laman web iFAMS**. 

- Jika diterima, Mahkamah akan menetapkan tarikh Semakan Mahkamah yang baharu.

- Sebaik sahaja Mahkamah mendapati pihak berkenaan tidak perlu lagi meneruskan Kaunseling Mandatori, Hakim akan menamatkan perintah CGO anda. Selagi Mahkamah tidak menamatkan CGO anda, anda mesti terus menjalani kaunseling yang telah dijadualkan itu.

- Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang sesi kaunseling mandatori di **laman web FJC**. 

Keterangan Berguna

Bantuan Tambahan

Fikirkan jika anda memerlukan bantuan tambahan untuk kes anda:

- **Jurubahasa**
Jika anda/atau saksi anda perlukan jurubahasa selain Mandarin, Melayu atau Tamil, beritahu Mahkamah secepat mungkin.
- **Peguam**
 - Jika anda perlukan nasihat guaman, maklumat lanjut terdapat di bahagian "Legal Advice" di bawah ini.
 - Jika anda pilih untuk mendapatkan peguam, lakukan segera.
- **Saksi**
 - Beritahu Mahkamah lebih awal jika anda akan memanggil saksi untuk memberi keterangan pada hari perbicaraan.
 - Pastikan tarikh perbicaraannya sesuai atau tidak untuk saksi anda hadir.
 - Jika anda perlukan Surat Saman untuk diberikan kepada saksi anda, dapatkan Surat Saman Saksi di Pejabat Pendaftaran FPC.
 - Jika anda atau saksi anda tidak boleh bercakap Inggeris, beritahu Mahkamah tentang bahasa yang anda pilih.

Nasihat Guaman

- Jika anda perlukan nasihat guaman, pergi ke:
 - Legal Aid Bureau,
 - Community Justice Centre, atau Community Legal Clinics di Mahkamah Negara.
- Anda juga boleh mendapatkan sumber-sumber yang berguna ini:
 - Risalah "Know the Law Now" oleh Law Society Pro Bono Services.
 - laman web LegalHelp



Peraturan dan Etika Mahkamah

Penting bagi anda tahu selok-belok untuk mengendalikan kes di Mahkamah jika anda tidak diwakili peguam.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada "Rights and Responsibilities" di bahagian panduan "Rights and Responsibilities" bagi Pihak Tanpa Peguam dalam Prosiding Sivil yang juga sesuai untuk kes anda. Panduan pengguna ini terdapat di laman web FJC.



Lokasi FVSCs*

- Centre for Promoting Alternatives to Violence (PAVE) di Ang Mo Kio;
- TRANS SAFE Centre di Bedok; atau
- Care Corner Project StART (CCPS) di Commonwealth.

* Senarai FVSCs terkini terdapat di laman web MSF.



Menghina Mahkamah

Sayugia diingatkan bahawa *Administration of Justice (Protection) Act 2016* mensyaratkan undang-undang tentang menghina mahkamah, antara lain, adalah untuk melindungi integriti prosiding guaman bagi faedah orang-orang yang menuntut keadilan di mahkamah.

Oleh sebab itu, undang-undang ini menjadikannya satu kesalahan apabila seseorang itu menghina atau menyebabkan gangguan atau halangan kepada mana-mana Hakim ketika Hakim sedang bersidang di mana-mana mahkamah.

Selain itu, *Penal Code Cap 224* mensyaratkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan jenayah jika seseorang itu dengan sengaja menghina atau mengganggu Hakim yang sedang bersidang ketika prosiding kehakiman sedang berjalan pada mana-mana peringkat kehakiman sekalipun.

Rujukan Segera Istilah Guaman

Pemohon: Orang yang memohon untuk PPO bagi melindungi dirinya atau ahli keluarganya dari keganasan keluarga.

Responden: Orang yang didakwa telah melakukan atau boleh melakukan keganasan keluarga.

PPO: Perintah Perlindungan Diri ialah perintah untuk menghalang seseorang yang didakwa telah melakukan keganasan keluarga.

EO: Perintah Sementara yang dikeluarkan oleh Mahkamah untuk melindungi Pemohon atau mana-mana ahli keluarga Pemohon sehingga hari perbicaraan.

DEO: Perintah Dihalang Masuk. Ia menghalang terus atau membataskan Responden memasuki keseluruhan atau sebahagian dari kediaman Pemohon.

CGO: Perintah Mahkamah yang mengarahkan Pemohon dan/atau Responden dan/atau ahli keluarga mereka untuk menghadiri kaunseling.

FPC: Pusat Perlindungan Keluarga di FJC bagi para pemohon membuat permohonan untuk PPO.

FVSC: Pusat Pakar Keganasan Keluarga, sebuah pusat bagi mendapatkan bantuan mengenai keganasan keluarga dan memfailkan permohonan PPO.

